

Perisytiharan Putrajaya ringkas, bersejarah

BH 2 - FEB 2001

PUTRAJAYA, Khamis – Perisytiharan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan yang dilakukan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dataran Perdana di sini, hari ini, walaupun ringkas tetapi penuh makna dan bersejarah.

Majlis dimulakan dengan upacara memainkan lagu kebangsaan, diikuti upacara menaikkan Jalur Ge-

milang dan bendera Putrajaya, yang menjadi Wilayah Persekutuan ketiga selepas Kuala Lumpur dan Labuan.

Dr Mahathir turut menyerahkan bendera Putrajaya kepada Presiden Perbadanan Putrajaya Tan Sri Azizan Zainul Abidin. Perbadanan ini diberi tanggungjawab membangun, mengurus dan mentadbir

kawasan Putrajaya bagi pihak kerajaan Persekutuan.

Antara yang turut hadir ialah menteri kabinet, menteri besar, diplomat asing, anggota Dewan Undangan Negeri Selangor dan ratusan pegawai tinggi kerajaan yang lain.

Dr Mahathir kemudian dibawa menyaksikan pelbagai acara menarik di tasik berhampiran Masjid

Putrajaya sempena perisytiharan itu.

Antara acara itu ialah lintasan langsung oleh helikopter Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Acara lain ialah pertunjukan wau, formasi kayak, perahu tradisional, pertandingan mendayung dan perlumbaan bot naga.

Putrajaya yang luasnya

4,581 hektar dan terletak 25 kilometer ke selatan Kuala Lumpur dan 20 kilometer ke utara dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang melalui lebuh raya sedia ada, empat tahun lalu adalah sebuah ladang kelapa sawit dan getah yang dikenali sebagai Perang Besar.

Ketika itu, hanya ada 60

rumah pekerja ladang tetapi kini dalam masa yang singkat, Putrajaya mempunyai 26 blok bangunan pentadbiran dan 42 blok lagi yang akan siap pada 2003.

Menjelang 2010, 67,000 unit rumah kediaman akan siap dibina. Jumlah penduduk kini mencapai 7,250 orang terdiri daripada 1,450 keluarga dan 1,500 unit rumah.